

SURVEI BAZAR RAMADAN DAN AIDILFITRI 2025

PENGENALAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menjalankan Survei Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2025 yang bermula 1 - 29 Ramadan 1446H di lokasi bazar terpilih di seluruh Malaysia. Tahun ini merupakan kali ketiga survei dijalankan.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pegawai DOSM Negeri melakukan kerja luar dan temuramah bersemuka di bazar-bazar terpilih. Pengumpulan data menggunakan borang soal selidik dan Google Form.

OBJEKTIF SURVEI

Objektif survei ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan profil peniaga, jumlah hasil jualan, bilangan pekerja, maklumat pengurusan sisa makanan (Bazar Ramadan) dan pengalaman peniaga di bazar bagi peringkat daerah, negeri dan nasional.

MAKLUMAT YANG DIKUMPUL

- Kaedah pembayaran
- Nilai jualan
- Bilangan pekerja
- Aktiviti utama perniagaan
- Modal perniagaan
- Sumber modal perniagaan
- Punca pembaziran (bazar Ramadan)
- Pengurusan lebihan makanan (bazar Ramadan)
- Kepuasan peniaga di bazar

LIPUTAN SURVEI

Liputan survei ini adalah Bazar Ramadan dan Aidilfitri yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau anjuran pihak lain yang telah mendapat lesen penganjuran bazar daripada pihak PBT.



SKOP DAN DEFINISI

Bazar Ramadan

Merujuk kepada pertubuhan/ gerai yang menjalankan aktiviti jualan makanan, minuman, kuih atau makanan lain sempena bulan Ramadan.

Pertubuhan/gerai & lokasi yang diliputi

Merujuk kepada pertubuhan/ gerai yang menjalankan aktiviti jualan di bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri.

Nilai jualan


Merujuk kepada jumlah jualan bagi tempoh sehari berniaga di bazar Ramadan. Nilai jualan yang diperlukan adalah jualan pada hari biasa dan nilai jualan pada hujung minggu.

Bilangan pekerja


Merujuk pada pekerja tetap (termasuk pemilik) dan pekerja sementara di gerai bazar Ramadan.

ANALISIS KAJIAN RINTIS

PENYEDIAAN KAEDAH PEMBAYARAN MENGGUNAKAN E-WALLET DI BAZAR RAMADAN MENGIKUT NEGERI



Penyediaan kaedah pembayaran menggunakan e-wallet di bazar Ramadan seluruh Malaysia menunjukkan tahap ketersediaan perkhidmatan digital yang tinggi, 86.6 peratus.



Tiga negeri tertinggi dalam penyediaan kaedah pembayaran menggunakan e-wallet di bazar Ramadan ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya (100.0%), Pahang (99.5%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (99.2%).

